

Sukan

INFO SUKAN

SEBANYAK 65 pasukan, masing-masing terdiri daripada tiga orang ahli menyertai Cabaran Larian Sejarah Brunei 2019 di Pusat Sejarah Brunei yang diadakan baru-baru ini.



ePaper Pelita Brunei

Lebih 200 sertai Kayuhan Amal Varsity Cycle 5.0

Oleh: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto: Ihsan Universiti Teknologi Brunei

TUNGKU LINK, Isnin, 23 September. - Lebih 200 peserta mengambil bahagian dalam Ekspedisi Kayuhan Amal Varsity Cycle 5.0 bagi Learning Ladders Society.

Acara berbasikal tersebut berlangsung kelmarin bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-73, bagi Tahun 2019 selaku Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Pelepasan para peserta ekspedisi yang bermula di UTB itu disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pegajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad.

Para peserta berkayuh sejauh 73 kilometer (km) melalui Lebu Raya Tungku dan Jalan Menteri Besar menuju ke Jabatan Perdana Menteri bagi perhentian 14km pertama yang dihoskan oleh UNISSA.

Setelah itu, para peserta meneruskan kayuhan

di sepanjang Jalan Utama Berakas dan Lebu Raya Muara-Tutong menuju ke pusing keliling Muara dan dari sana, peserta kembali menggunakan Lebu Raya Muara-Tutong menuju ke perhentian kedua iaitu 52km berhampiran *flyover* Lambak yang dihoskan oleh KUPU SB.

Para peserta seterusnya meneruskan kayuhan menerusi Lebu Raya Rimba sebelum bergabung di pusing keliling The Empire Hotel & Country Club sebelum menamatkan ekspedisi di Bangunan Integrated Science, UBD.

Antara yang menyertai ekspedisi berkenaan ialah Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Pemangku Naib Canselor UTB, Awang Haji Ady Syarmin bin Haji Md. Taib; Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

Juga menyertai, pegawai-pegawai kanan, para pensyarah, para kakitangan dan mahasiswa dari keempat-empat buah universiti berkenaan, di samping orang awam.

Ekspedisi kayuhan amal tersebut dianjurkan bersama oleh UBD, UNISSA, UTB dan KUPU SB.

PELEPASAN para peserta ekspedisi disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pegajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad.



PARA peserta Ekspedisi Kayuhan Amal Varsity Cycle 5.0 bagi Learning Ladders Society.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'BANGUNKAN GENERASI BERWIBAWA DAN BERKEMAHIRAN'

دتر بیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگار ابرونی دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam